



**AmAssurance**

**Siaran Media**

---

22 Januari 2008

**AmAssurance melancarkan hab perkhidmatan pelanggan terkininya di Pulau Mutiara.**

AmAssurance Berhad, syarikat perkhidmatan insurans komposit yang sinonim dengan gaya hidup berkualiti rakyat Malaysia telah mengumumkan pelancaran hab perkhidmatan pelanggannya yang terkini di Jalan Burma, Georgetown Pulau Pinang.

“Memandangkan premis pejabat lama kami yang terletak di Kompleks Mutiara Jalan Anson tidak lagi dapat menampung ruang dan kapasiti untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien kepada para pelanggan, maka proses pemindahan ini adalah tepat pada masanya supaya kami dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada para pelanggan dan pada masa yang sama menyediakan suasana yang lebih kondusif dan selesa untuk sebarang urusan niaga diantara pelanggan dan kakitangan kami di Pulau Pinang,” ujar Encik Ng Lian Lu Ketua Pegawai Eksekutif AmAssurance Berhad. Beliau menambah, “Kami mengalu-alukan setiap pelanggan ke sini untuk mendapat pengalaman layanan mesra kami” Encik Ng Lian Lu telah merasmikan pelancaran operasi pejabat baru tersebut pada 21 hb Januari 2008.

Sebagai sebahagian daripada pelan strategi utama cawangannya, pemindahan operasi pejabat AmAssurance di Pulau Pinang merupakan langkah sulung syarikat ini dalam menyediakan hab sehenti yang bertujuan untuk memberikan perkhidmatan insurans yang lebih unggul kepada orang ramai.

Encik Ng berkata, AmAssurance mensasarkan untuk mengoptimumkan kelebihan premis baru ini bagi mengukuhkan lagi kekuatan urus niaganya di wilayah utara semenanjung Malaysia yang kini menyumbang 17% daripada keseluruhan sektor perniagaan AmAssurance.

Premis cawangan 5 tingkat yang akan digunakan oleh kakitangan jualan dan operasi insurans hayat serta am AmAssurance ini mempunyai keluasan lantai seluas 15,468 kaki persegi dan dikelilingi oleh pelbagai kemudahan dan prasarana awam seperti hentian bas, bank, kompleks membeli belah serta ruang letak kereta yang mencukupi dan ianya terletak di tengah-tengah pusat komersil dan perniagaan utama Georgetown. Premis yang berwajah baru ini turut menampilkan kemudahan perkhidmatan pelanggan dan pusat latihan, kafeteria, automasi bangunan serta sistem CCTV yang terkini. Selain itu, para pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan pembayaran premium atau sebarang pertanyaan urus niaga akan dapat menikmati kemudahan letak kereta yang lebih baik di lokasi terbaru ini.

AmAssurance Berhad merupakan sebuah syarikat insurans komposit yang menawarkan perkhidmatan insurans hayat dan am dengan rangkaian pejabat di Kuala Lumpur, Klang, Seremban, Pulau Pinang, Alor Setar, Sungai Petani, Ipoh, Kuantan, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Melaka, Johor Bahru, Batu Pahat, Kluang, Kuching, Sibul, Miri, Kota Kinabalu dan Tawau.

### **Tentang AmAssurance Berhad**

AmAssurance merupakan sebuah jenama yang terkemuka dalam arena industri insurans di Malaysia. Dua entiti korporat yang berdiri teguh di belakang AmAssurance adalah- Kumpulan AmBank; salah sebuah peneraju kumpulan perbankan serantau dan IAG Pty Limited, syarikat insurans terbesar di Australia yang telah bertapak di seluruh dunia sejak lebih 130 tahun. Perniagaan AmAssurance dijanakan menerusi khidmat insurans hayat dan am yang komprehensif di 200 bank dan cawangan serta melalui lebih 5000 wakil kami di seluruh pelusuk negara. Dengan berbekalkan khidmat kepakaran selama 35 tahun dan aset keseluruhan yang berjumlah lebih daripada RM2 billion, kami telah memberi khidmat pelanggan kepada lebih sejuta rakyat Malaysia. Bereputasikan salah sebuah 3 penyedia insurans motor yang terbesar, AmAssurance semakin mendapat tempat di hati pengguna sebagai syarikat insurans pilihan yang paling kompetitif di pasaran.

---

Untuk keterangan lanjut, sila layari <https://www.amassurance.com.my> atau hubungi En Alex Tan, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran di talian 03-4047 8053 atau menerusi e-mel di [alex-tan@ambg.com.my](mailto:alex-tan@ambg.com.my)